

**TARIKH TUTUP :**

**5 OKTOBER 2022**



## **BORANG PENYERTAAN**



**KARNIVAL BOLA PANTAI PD 2022  
KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI TERBUKA PIALA MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN**

**TARIKH KEJOHANAN : 8 – 9 OKTOBER 2022**

**TEMPAT : PANTAI BT 5, PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN**

---

**NAMA PASUKAN :** \_\_\_\_\_  
**NAMA PENGURUS:** \_\_\_\_\_  
**NAMA JURULATIH:** \_\_\_\_\_  
**NO TELEFON :** \_\_\_\_\_

### **SENARAI PEMAIN**

<b>NO</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO K.P</b>	<b>NO TELEFON</b>
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			

***Perhatian : sila bawa kad pengenalan asal pada hari kejohanan untuk pengesahan***

Borang Penyertaan yang lengkap boleh dihantar kepada :

**URUSETIA**

**KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI TERBUKA PIALA MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN**

**TINGKAT 6, PEJABAT PEGAWAI DAERAH**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON**

**JALAN PANTAI, 71009, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

## AKUAN PASUKAN

Kami bersetuju dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur tanpa bantahan. Kami juga bersetuju dengan sebarang perubahan yang dilakukan dari semasa ke semasa sebelum atau semasa pertandingan yang dijalankan seperti yang ditentukan oleh pihak penganjur. Kami juga mengaku bahawa semua butir-butir yang diberikan adalah benar dan jika didapati tidak benar itu maka pihak penganjur berhak membatalkan pasukan kami dan tidak layak untuk meneruskan pertandingan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang, kecederaan, kehilangan harta benda, gangguan emosi yang menimpa ke atas pemain. Segala keputusan pengadil dan Jawatankuasa Penganjur dan Pengelola pertandingan adalah muktamad.

Yang Benar,

Tandatangan .....  
(Pengurus / Ketua Pasukan)

Nama : .....

Tarikh : .....

1. Lengkapkan Borang Penyertaan bersama wang penyertaan berjumlah **RM250.00**.
2. Penyertaan terbuka dan tempat adalah **TERHAD. "First come, first served basis"**.
3. Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini **DIWAJIBKAN** mengambil insuran kelompok untuk semua pemain dan pegawai pasukan.
4. Pembayaran boleh dibuat secara tunai/ pindahan secara online keatas :  
  
**KELAB SUKAN & KEBAJIKAN PEJABAT DAERAH & TANAH PORT DICKSON**  
**CIMB BANK – 8004479223**  
*\*Bukti pembayaran (online) **WAJIB** disertakan bersama dengan borang penyertaan*
7. Perincian syarat penyertaan dan panduan kejohanan di **Lampiran A**.
9. Tarikh tutup penyertaan pada **5HB OKTOBER 2022 (RABU)**.
10. Sebarang pertanyaan boleh hubungi urusetia:  
**En Yuzi : 019-6894135**  
**En Raja : 016-7023439**  
**Encik Qhairul: 011-2333 4221**

## **1.0 PENYERTAAN**

- 1.0 Kejohanan ini terbuka kepada semua **Warganegara Malaysia**. Salinan kad pengenalan hendaklah disertakan.
- 1.2 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini **DIWAJIBKAN** mengambil insuran kelompok untuk semua pemain dan pegawai pasukan. Salinan *cover note* insuran hendaklah disertakan. Pasukan yang gagal mengemukakan salinan *cover note* insuran tidak akan dibenarkan mengambil bahagian.
- 1.3 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **5 OKTOBER 2022**.
- 1.4. Setiap pasukan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM250.00 sahaja**. Pembayaran hendak dibuat kepada **KELAB SUKAN & KEBAJIKAN DAERAH & TANAH PORT DICKSON**. Pasukan yang gagal mendaftar dan membuat bayaran sebelum atau pada **5 OKTOBER 2022** tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 1.5. Hanya pasukan yang mendaftar dan membuat bayaran awal sahaja (lengkap dengan insuran) akan dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 1.6. Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan ini secara otomatis mematuhi perkara berikut:
  - 1.6.1 Mematuhi undang-undang permainan dan peraturan badan yang mengelola.
  - 1.6.2 Menerima keputusan kepengadilan berkaitan pertandingan yang telah Diputuskan
  - 1.6.3 Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh penganjur

## **2.0 TARIKH DAN TEMPAT KEJOHANAN**

- 2.1 Tarikh : **8 DAN 9 OKTOBER 2022**
- 2.2 Tempat: **PANTAI AWAM TANJUNG LEMBAH PORT DICKSON (PANTAI BATU 5)**

## **3.0 HADIAH PERTANDINGAN**

- |     |                   |   |                     |
|-----|-------------------|---|---------------------|
| 3.1 | <b>JOHAN</b>      | - | <b>RM 10,000.00</b> |
| 3.2 | <b>NAIB JOHAN</b> | - | <b>RM 7,000.00</b>  |
| 3.3 | <b>KETIGA</b>     | - | <b>RM 5,000.00</b>  |
| 3.4 | <b>KEEMPAT</b>    | - | <b>RM 3,000.00</b>  |

#### 4.0 KELAYAKAN PEMAIN

- 4.1 Warganegara Malaysia.
- 4.2 Seorang pemain yang telah mendaftar dan bermain dengan satu pasukan dalam kejohanan ini tidak layak lagi mewakili pasukan lain dalam siri kejohanan yang sama.
- 4.3 Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftar **dua (2) orang sahaja Pemain Kebangsaan**.
- 4.4 Jika berlaku pelanggaran syarat ke atas mana-mana pasukan, penyertaan pasukan tersebut akan dibatalkan serta merta dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.
- 4.5 Umur semasa penyertaan **16 tahun ke atas** mengikut tahun semasa.

#### 5.0 PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEGAWAI PASUKAN

- 5.1 Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan **10 orang pemain dan 2 orang pegawai sahaja**.
- 5.2 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja boleh mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 5.3 **Semua pemain diwajibkan membawa Kad Pengenalan dan diserahkan kepada Pegawai Pertandingan sebelum perlawanan bermula.**
- 5.4 Setiap pasukan dibenarkan membuat pertukaran pemain yang telah berdaftar dengan pemain baru dengan syarat membuat **bayaran RM20.00** bagi setiap pemain dengan cara bertulis dan dibenarkan bermain setelah mendapat pengesahan dari Pengerusi Teknikal. Segala pertukaran hanya dibenarkan pada atau sebelum 5.10.2022.

#### 6.0 UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 6.1 Selain dari peraturan yang terkandung, maka pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang permainan bola sepak sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).
- 6.2 Kejadian diluar jangkaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan berasaskan kepada peraturan Am Persatuan Bola Sepak Daerah Port Dickson. Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).
- 6.3 Sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

## 7.0 FORMAT PERMAINAN

- 7.1 Dibahagikan kepada 32 kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 4 pasukan.
- 7.2 Jadual dan tempat perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola dalam Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan.
- 7.3 Perlawanan dalam kumpulan adalah secara liga satu pusingan manakala untuk perlawanan kedua, perlawanan suku akhir, separuh akhir dan akhir adalah secara kalah mati.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Undang-undang permainan liga diguna pakai dalam pertandingan ini. 3 mata kepada pemenang, 1 mata untuk keputusan seri dan tiada mata kepada yang kalah.
- 8.2 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain atau tidak datang atau melapor diri lewat dari 5 minit selepas waktu pertandingan yang dinyatakan dalam jadual pertandingan, maka pasukan yang hadir dengan cukup bilangan pemain iaitu 10 orang akan diberikan kemenangan percuma dengan memperolehi 3 mata dan 2 jaringan gol.
- 8.3 Sekiranya sesebuah pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali dalam hal bencana alam atau sebab-sebab lain kemudiannya diterima oleh Jawatankuasa Pertandingan atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan perlawanan atau meninggalkan padang sebelum tamat masa perlawanan, maka pasukan yang ingkar itu dianggap telah kalah dan kemenangan diberi kepada lawannya dengan jaringan gol 2 kosong atau lebih sekiranya itulah jaringan golnya pada masa meninggalkan padang. Pasukan yang ingkar itu akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib dan boleh disekat dari meneruskan kejohanan. Mana-mana pegawai atau pemain yang terbukti telah membantu atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan dibawah peraturan ini adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan pengantungan atau denda atau pun kedua duanya sekali.
- 8.4 Jika terdapat pasukan yang menarik diri (walk over) daripada mengambil bahagian dalam siri perlawanan ini, dengan apa sebab sekali pun, mata jaringan gol yang masuk atau kena dalam semua perlawanan yang dimainkan olehnya sebelum ini tidak akan diambil kira.
- 8.5 Setelah selesai semua perlawanan liga, dua atau lebih pasukan dalam kumpulan tersebut telah mengutip mata yang sama, maka perbezaan gol akan menjadi penentu iaitu pasukan yang mempunyai perbezaan gol terbesar jaringan masuk dengan jaringan gol kena hendaklah menduduki tempat yang lebih tinggi. Jika perbezaan gol sama, pasukan yang telah menjaringkan jumlah bilangan gol yang paling banyak hendaklah menduduki tempat yang paling tinggi, jika seri pasukan yang memenangi perlawanan yang banyak akan layak, jika seri maka pasukan yang pernah mengalahkan pasukan lawan adalah layak, jika masih seri lagi kedudukan hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan keputusan adalah **MUKTAMAD**.
- 8.6 Sekiranya dalam perlawanan kalah mati, terdapat keputusan seri setelah tamat tempoh masa bermain, maka pemenangnya akan ditentukan menerusi tendangan dari tanda penalti mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

- 8.7 Jika didapati sesuatu pasukan itu menurunkan pemain yang tidak didaftarkan atau pemain yang mendaftarkan diri dalam lebih dari satu pasukan, pemain yang digantung dan pemain yang menerima kad merah atau 2 kad kuning, kemenangan 3 mata dan jaringan 2 gol kosong akan diberikan kepada pasukan lawan. Pemain tersebut akan digantung sepanjang kejohanan.

## **9.0 JANGKAMASA PERLAWANAN**

- 9.1 Pusingan awal, pusingan kedua dan suku akhir, adalah selama 5 minit bagi setiap separuh masa dan rehat tidak melebihi 1 minit.
- 9.2 Perlawanan separuh akhir akhir dan tempat ke 3 serta ke 4 selama 10 minit bagi setiap separuh masa dan rehat tidak melebihi 5 minit.

## **10.0 PENGGANTIAN PERLAWANAN**

- 10.1 Setiap pasukan dibenarkan membuat pertukaran pemain tanpa had pertukaran tapi dengan syarat hanya 5 orang pemain sahaja diatas padang (*rolling sub*)
- 10.2 Pemain yang diganti masih dibenarkan untuk masuk bermain semula.

## **11.0 PAKAIAN PEMAIN**

- 11.1 Semua pemain hendaklah memakai jersi seperti yang didaftarkan dengan nombornya mengikut nama pemain tersebut.
- 11.2 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan dan sekiranya diganti, lilitan lengan itu hendaklah diberikan kepada pemain lain.
- 11.3 Tertakluk kepada peraturan FAM dan FIFA

## **12.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

- 12.1 Jawatankuasa penganjur dan pengelola akan memutuskan kedudukan perlawanan yang ditangguhkan oleh pengadil kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 12.2 Sekiranya permainan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua- dua pasukan atau pergaduhan atau rusuhan penonton masuk kepadang, pihak Jawatankuasa Teknikal akan bersidang bagi membuat keputusan.

## **13.0 PEGAWAI PERLAWANAN**

- 13.1 Jawatankuasa Pengadil akan melantik pengadil dan penjaga garisan untuk semua pertandingan. Semua laporan perlawanan hendaklah sampai kepada Pengawas Pertandingan selepas perlawanan tamat.

## 14.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 14.1 Jawatankuasa Tataterib Pertandingan akan berbincang perkara-perkara yang berlaku setelah menerima aduan bertulis daripada pengadil bertugas dan Pegawai Perlawanan (MI).
- 14.2 Untuk kesalahan berikut, Jawatankuasa Tatatertib tidak akan bersidang dan hukumannya adalah automatik:
- 14.2.1 Seseorang yang mendapat amaran 2 kali (Kad Kuning) pada perlawanan yang berlainan akan digantung 1 perlawanan.
  - 14.2.2 Seseorang pemain yang diperintah keluar padang kerana berulang kali melakukan kesalahan (2 kad kuning) amaran, dalam satu perlawanan, penggantungan 1 perlawanan.
  - 14.2.3 Seseorang pemain yang diperintahkan keluar padang (kad merah) diatas kesalahan terjahah keras, bergaduh dan tidak berdisiplin, digantung 2 perlawanan.
  - 14.2.4 Seseorang pemain yang diperintahkan keluar padang kerana mengeluarkan kata-kata kesat / lucah atau menunjukkan isyarat tidak tertib dengan tidak mengira beliau menerima amaran sebelum ini atau tidak akan digantung sepanjang kejohanan.
- 14.3 Jawatankuasa Tatatertib boleh menggantung seseorang pemain daripada terus mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Jika tindakan yang lebih keras dianggap perlu, maka Jawatankuasa Pengelola akan bersidang untuk membuat keputusan.
- 14.4 Kesemua keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada sebarang rayuan.

## 15.0 BANTAHAN

- 15.1 Sebarang bantahan terhadap keputusan pemain mesti dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Pengelola dan hendaklah diterima dalam masa 30 minit selepas perlawanan berkenaan tamat beserta dengan bayaran **RM500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja)**. Wang tersebut tidak akan dikembalikan jika didapati bantahan tersebut tidak berjaya.
- 15.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara dan fakta yang dibuat pengadil dipadang permainan.

## 16.0 ETIKA PEGAWAI DAN PERMAINAN

- 16.1 Pengurus pasukan hendaklah bertanggungjawab memastikan tiap-tiap pegawai dan pemain termasuk penyokong berpegang teguh kepada etika dan tingkahlaku yang dihormati berdasarkan semangat sukan yang tulus. Jawatankuasa boleh mengambil sebarang tindakan kepada mana-mana pihak yang tidak mengikut peraturan pertandingan dan objektif kejohanan ini keseluruhannya. Tindakan termasuklah

penggantungan mana-mana pasukan, pemain, pegawai dari apa-apa penglibatan bagi jangkamasa yang ditimbangsuai.

- 16.2 Sebarang penipuan dalam hal pendaftaran pemain samada sengaja atau tidak adalah dianggap sebagai kesalahan berat dan bertentangan dengan etika permainan bola sepak (akan digantung sepanjang perlawanan).

## 17.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

Segala hal yang diperuntukkan dibawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**. Perkara-perkara diluar jangkauan adalah menjadi hak pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan untuk membuat keputusan. Semua keputusan adalah **MUKTAMAD**.